

**DRAF TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS MENANDATANGANI MOU DIANTARA UTeM HOLDINGS**  
**DENGAN DMFK INSPIRATION & MAESCO**

*9 Ogos 2012 (Khamis), 1.00 tengah hari,  
Dewan Konvensyen Kampus Bandar*

1

*Assalamualaikum wbkth, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia*

Y.Bhg. Dato Dr Hj Mohd Fadzilah bin Kamsah  
Pengasas & Pengarah DMFK Inspiration Sdn Bhd dan Fadzilah  
Kamsah Academy

Y.Brs. Ar. Zulkifli bin Hj Zahari  
Presiden, Malaysia Association of Energy Services Companies-  
MAESCO

Y.Bhg. Datuk Mohamed Mustafa bin Mohamed Ismail  
Ketua Pegawai Eksekutif, DMFK Inspiration Sdn Bhd

2

Y.Bhg. Prof. Dato Dr Mohamad Kadim bin Suaidi  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM  
merangkap Pengarah UTeM Holdings

Y.Bhg. Dato' Prof Dr. Mohd Nor bin Husain  
Pengarah UTeM Holdings

Y.Brs. En Mohd Al Khafiz bin Zainal  
Ketua Pegawai Eksekutif, UTeM Holdings

Y.Bhg Datuk-datuk, para Profesor, Pensyarah, Tuan-tuan dan puan  
sekalian

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia

3

serta izinNya, dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara UTeM Holdings dengan DMFK Inspirations dan MAESCO. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Datang ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan rasanya masih tidak terlalu lewat untuk mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua yang hadir di majlis ini.

*Tinggi-Tinggi Si Pohon Ara  
Tempat Berlindung Burung Tempua  
Assalamualaikum Pembuka Bicara  
Selamat Datang Kepada Semua*

2. Suka bagi saya mengambil kesempatan untuk memperkenalkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai

4

sebuah Universiti teknikal awam pertama manakala UTeM Holdings merupakan '**commercial-arm**' bagi UTeM yang ditubuhkan pada 4 Mei 2006. Bersandarkan kepada kepakaran yang dimiliki oleh Universiti, UTeM Holdings sudah pasti mampu memberikan nilai tambah terbaik kepada rakan niaga dan rakan kerjasama kerana peranannya sebagai **pusat komersial dan perantara di antara Universiti dan industri**. Aktiviti Perniagaan Utama-**Key Business Activities** (KBA) UTeM Holdings terdiri daripada teknologi, perundingan, pendidikan, latihan, hartanah, pembangunan, jualan & perkhidmatan.

3. UTeM Holdings merupakan sebuah syarikat berkaitan kerajaan yang bergerak pantas melalui **proses transformasi perniagaan bermula Julai 2012 sehingga 2015** dan berazam berada

5

sebaris dengan syarikat berkaitan kerajaan yang lain dalam tempoh **5 tahun** akan datang. UTeM Holdings juga menjalankan **kerjasama korporat** dengan pelbagai agensi, badan kerajaan, organisasi dan multinasional dalam dan luar negara dan sentiasa meningkatkan pembangunan perniagaan pada tahap optimum. UTeM Holdings juga adalah **syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan**, selain **turut berdaftar dengan pelbagai agensi dan syarikat korporat** bagi meningkatkan partisipasi dalam perolehan dan projek berkaitan.

4. UTeM Holdings **optimis dengan pembangunan perniagaan dengan urus tadbir korporat yang terbaik** di mana ia merupakan anak syarikat universiti pertama seumpamanya yang ke arah persijilan **ISO 9001:2008 menjelang suku**

6

**terakhir 2012.** Syarikat juga sangat **mengutamakan kualiti** dalam setiap operasi perniagaannya di mana ia berpandukan Polisi Kualiti dan Piagam Pelanggan yang telah diperkenalkan.

Hadirin hadirat sekalian,

5. Saya berasa bangga kerana pada hari ini seluruh warga Universiti telah bersama-sama menyokong pembangunan UTeM Holdings di mana Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman ini merupakan titik tolak kepada permulaan kerjasama korporat dan seterusnya mewujudkan jaringan universiti-industri atau industri-akademia pada masa akan datang. Saya difahamkan juga kerjasama ini bukan sahaja terhimpun kepada pembangunan program sahiah tetapi ia juga melibatkan **program pembangunan akademik bagi profesional dan eksekutif melalui pembelajaran sepanjang**

7

**hayat.** Perkembangan ini adalah selari dengan NKRA negara dalam menyediakan masyarakat berpendapatan tinggi melalui peningkatan tahap pendidikan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya ingin merakamkan **terima kasih kepada DMFK Inspirations dan MAESCO** atas minat dan iltizam untuk bekerjasama bersama UTeM Holdings seterusnya mencipta dimensi baru ke arah kerjasama yang lebih akrab pada masa akan datang. Bercakap tentang DMFK sudah pastinya kita rasa terhormat untuk bekerjasama dengan **tokoh motivasi nombor 1 negara** iaitu Y.Bhg Dato Dr Haji Mohd Fadzilah Kamsah di mana kita berharap kepakaran dan aura yang ada pada beliau bolehlah dikongsi bersama dengan seluruh warga Universiti

8

dan seterusnya masyarakat awam amnya. Begitu juga dengan **MAESCO**, saya begitu teruja dengan kerjasama ini kerana sudah pastinya ia akan menjadi pemangkin kepada para pelajar kita khususnya dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Saya juga difahamkan kerjasama bersama MAESCO ini telah dimuktamadkan melalui penubuhan **Green & Renewable Energy Institute (GREEN-i)** di mana objektifnya adalah menjadi :

- (i) **penyedia program pembangunan profesional dan eksekutif tenaga hijau dan boleh diperbaharui** di Malaysia;
- (ii) menjalankan **kajian dan bertindak sebagai pusat rujuk berkaitan tenaga hijau dan boleh diperbaharui** di negara ini; dan

9

- (iii) untuk menjadi **pemandu dan pemangkin program dan inisiatif tenaga hijau dan boleh diperbaharui.**

7. Selain daripada itu, 2 jalinan kerjasama ini juga telah menyenaraikan pelbagai program dan inisiatif secara bersama termasuklah menganjurkan **Seminar Rahsia Mencari Pasangan, Seminar Ke arah Menjadi Insan Cemerlang dan perkhemahan** yang telah dirancang bersama DMFK Inspiration. Manakala MAESCO telah bersetuju bersama-sama dengan kita untuk **membangunkan pelbagai program akademik** di antaranya Diploma Eksekutif Pengurusan Tenaga, Diploma Eksekutif Pengurusan Tenaga Boleh diperbaharui dan juga menganjurkan pelbagai seminar, bengkel dan latihan berkaitan tenaga hijau dan boleh diperbaharui.

10

8. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan keyakinan industri terhadap Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan juga UTeM Holdings. Saya juga ingin mengucapkan **tahniah kepada UTeM Holdings** yang telah memulakan proses transformasinya dengan begitu meyakinkan. Semoga kerjasama seperti ini dapat diteruskan dan diperkembangkan pada masa yang akan datang.
9. Harapan saya untuk melihat kerjasama universiti-industri atau industri-akademia seperti ini **terus mekar dan menjadi budaya dalam UTeM** seterusnya akan merencanakan perkembangan UTeM sebagai Universiti teknikal di negara ini dalam melahirkan graduan yang berpotensi dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi.

11

10. Untuk itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada rakan kerjasama kita iaitu DMFK Inspirations dan MAESCO. Perjalanan baru bermula, ayuh kita sama-sama memperkembangkan masyarakat ke arah negara berpendapatan tinggi, Insyallah.

*DMFK Inspiration Booster Terjana  
MAESCO Kreatif Menyumbang Idea  
Kerjasama Pintar Sinergi Dijana  
UTeM Menerajui Merintis Persada*

Terima Kasih dan Tahniah. Wassalam.

12